Kalendar Peristiwa
April – Jun 2005

27 April 2005
Bank mengeluarkan Laporan Tahunan Insurans dan Takaful 2004, yang memberikan analisis prestasi dan perkembangan industri insurans dan takaful pada tahun 2004.

27 April 2005
The International Bank for Reconstruction and Development menjadi penerbit bon berdenominasi ringgit yang ketiga, sejak Bank Pembangunan Pelbagai Hala dan Syarikat Multinasional berbuat demikian pada tahun 2004, dengan pelancaran Bon Wawasan berjumlah RM760 juta. Penerbitan bon ini distrukturkan berlandaskan Syariah, yang akan turut membantu meluaskan dan membangunkan pasaran modal Islam tempatan khususnya, dan pasaran bon tempatan Malaysia amnya.

24 Mei 2005
Pada Sidang Kemuncak Kedua Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) di Qatar, Gabenor telah berucap mengenai kepentingan menyediakan rangka kerja tadbir urus yang lebih baik untuk institusi kewangan Islam.

25 Mei 2005
Bank mengumumkan ekonomi Malaysia tetap kukuh walaupun aktiviti ekonomi sedunia menjadi sederhana berikutan harga minyak yang tinggi dan kitaran menurun industri separakonduktor dunia yang berterusan. Seperti yang dijangka, pertumbuhan KDNK benar ekonomi Malaysia kekal memberangsangkan dengan pengembangan sebanyak 5.7% pada suku pertama tahun 2005. Pada tempoh tersebut, Malaysia adalah antara ekonomi di rantau ini yang terus mencapai prestasi cemerlang. Kekurangan tekanan permintaan yang tinggi membolehkan dasar monetari terus kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Kadar Dasar Semalaman (OPR) tidak berubah pada 2.70%.

26 Mei 2005
Sebagai langkah meningkatkan kekukuhan infrastruktur keinstitusian industri takaful dan mempercepat pengembangan perniagaan takaful, Bank mengumumkan sehingga empat lesen takaful baru akan dikeluarkan serta broker dan ajuster takaful akan dilesenkan bagi meningkatkan tahap profesionalisme dan kompetensi pengantara takaful.

30 Mei 2005
Bank mengumumkan terbitan ketujuh Bon Simpanan Merdeka bernilai RM300 juta yang diterbitkan pada 1 Jun 2005. Bon tersebut memberikan instrumen tabungan tambahan untuk warga emas, pesara Angkatan Tentera Malaysia, dan warganegara Malaysia yang telah bersara atas sebab kesihatan.

9 Jun 2005

Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, telah mengumumkan strategi tambahan untuk pembangunan PKS tempatan, iaitu:

- Produk pembiayaan perdagangan baru untuk PKS
- Portal latihan dalam talian untuk PKS
- Rangka kerja untuk perancangan pembangunan PKS
- Pemakaian takrif PKS dalam pelbagai sektor untuk pembangunan sasaran
- Potensi PKS dalam industri penyelenggaraan kenderaan bermotor

Bank Negara Malaysia merupakan Urus Setia Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

21 June 2005

Gabenor telah menyampaikan ucaptama dalam Forum Ahli-ahli Bank Islam yang dianjurkan oleh General Council for Islamic Banks and Financial Institutions (CIBAFI) di Putrajaya. Beliau menyatakan bahawa pelaburan dalam bentuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pembangunan bakat dan kepakaran akan menjadi faktor penentu yang akan menyumbang kepada keberkesanan, kekukuhan dan daya saing industri perkhidmatan kewangan Islam pada masa hadapan.

22 Jun 2005

Semasa berucap pada Seminar Pelan Induk 10 Tahun Industri Perkhidmatan Kewangan Islam yang dianjurkan oleh Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB), Gabenor telah menyatakan bahawa wawasan dan objektif yang jelas adalah penting sebagai titik permulaan dalam usaha merumuskan Pelan Induk yang akan menentukan asas pembangunan masa depan industri kewangan Islam. Seminar tersebut diadakan bagi membincangkan isu dan pertimbangan penting dalam merumus Pelan Induk untuk pembangunan industri perbankan dan kewangan Islam di arena antarabangsa.

22 – 23 Jun 2005

Bank menganjurkan Persidangan Pelabur bertajuk “Malaysia: Destinasi Pelaburan” sempena Mesyuarat Tahunan IDB, untuk mempertemukan para pembuat dasar, pelabur dan peserta industri bagi membincangkan peluang pelaburan di Malaysia. Dalam ucapan khasnya, Gabenor mengulas mengenai transformasi ekonomi Malaysia dalam suasana global yang berubah, serta hasilnya dalam bentuk peluang yang ditawarkan Malaysia kepada para pelabur. Pada akhir persidangan tersebut, Gabenor melancarkan dua indeks pasaran tanda aras untuk Malaysia, iaitu Indeks Bon Kerajaan Malaysia Citigroup dan Indeks Islam Malaysia Dow Jones-RHB.

23 Jun 2005

Bank menerbitkan duit syiling peringatan sempena Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor Bank Pembangunan Islam ke-30 yang telah diadakan pada 22-24 Jun 2005 di Putrajaya. Tiga jenis duit syiling telah ditempa, iaitu emas, perak dan emas Nordic.

24 Jun 2005

Seminar berkenaan Derivatif dalam Kewangan Islam yang dianjurkan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia, telah mempertemukan pakar kewangan untuk membicarakan peranan derivatif dalam pembangunan kewangan Islam. Dalam ucapan pembukaannya, Gabenor berkata cabaran yang dihadapi industri kewangan Islam adalah untuk terus memperkukuh rantaian antara pelbagai komponen dalam sistem kewangan Islam, terutamanya pasaran kewangan Islam.